

# Taja caruman RM48k bantu 400 suri rumah

**Kuala Lumpur:** Cagamas Berhad (Cagamas) menaja caruman RM48,000 kepada Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah (SKSSR) di bawah Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso).

Tajaan daripada Cagamas akan memanfaatkan seramai 400 suri rumah golongan B40 yang berdaftar melalui platform eKasih (Pangkalan Data Kemiskinan Nasional) untuk mendapat perlindungan SKSSR secara percuma.

SKSSR dikuatkuasakan di bawah Akta Keselamatan Sosial Suri Rumah 2022 untuk menyediakan perlindungan sosial kepada golongan suri rumah daripada bencana domestik, keilatan dan kematian semasa menguruskan rumah tangga dan keluarganya.

Tajaan SKSSR ini adalah sokongan Cagamas terhadap usaha Perkeso dalam memperkukuhkan kesejahteraan sosial golongan wanita B40 khususnya suri

rumah yang berperanan penting dalam menyumbang ke arah pembangunan institusi keluarga dan ekonomi negara secara langsung.

Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Cagamas, Kameel Abdul Halim berkata, tajaan itu sebahagian daripada komitmen dalam rangkaian tanggungjawab sosial korporat (CSR) Cagamas.

“Ia juga adalah sebahagian kerangka kelestarian, di mana salah satu tujungnya adalah memperkasa sosioekonomi kumpulan B40 terutama wanita,” katanya.

Kementerian Sumber Manusia (Kesuma) melalui Perkeso menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bersama Yayasan Kebajikan Negara Malaysia (YKNM) iaitu sebuah institusi di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) bagi tujuan memperkukuhkan perlindungan sosial negara.